

Pendekatan Rahmah utama pembangunan bantu miskin tegar

w/d: 2

RH - 13/11/2023

**Kerajaan
Perpaduan
terbuka kerjasama
dengan negeri**

Oleh **Zatul Iffah Zolkipli**
zatuliffah@bh.com.my

Kuala Nerus: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, Kerajaan Perpaduan yang dipimpinnya, akan memberi tumpuan kepada projek pembangunan membabitkan kebajikan golongan miskin terutama miskin tegar.

Perdana Menteri berkata, pendekatan berkonsepkan 'Rahmah' juga akan terus ditekankan dalam semua program kerajaan di bawah pentadbirannya.

"Soal kebajikan, kita panggil program Rahmah. Itu kita akan jadikan tema dalam semua program bantuan rakyat miskin, terutama miskin tegar yang menjadi keutamaan kita dalam pentadbiran kerajaan sekarang," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas menghadiri Majlis Perjumpaan Bersama Ketua Jabatan dan Pegawai Kanan Persekutuan di Dewan Senat Universiti Malaysia Terengganu (UMT), di sini semalam.

Justeru, Perdana Menteri berkata, beliau mahu memastikan tumpuan lebih diberikan terhadap projek pendidikan, kesihatan



Anwar berswafoto bersama pelajar selepas mengadakan pertemuan dengan Ketua Jabatan dan Pegawai Kanan Persekutuan di UMT, Kuala Nerus, semalam. (Foto BERNAMA)

dan kebajikan rakyat termasuk tebatan banjir, berbanding projek besar atau mega.

Pada masa sama, beliau berkata, Kerajaan Persekutuan bersikap terbuka dan sedia bekerjasama dengan semua pihak, termasuk pentadbiran negeri yang dikuasai pembangkang.

Pastikan rakyat dapat manfaat

Katanya, pendekatan itu diambil bagi memastikan rakyat di se-

luruh negara mendapat manfaat menerusi pelbagai projek yang akan dibangunkan Kerajaan Persekutuan.

"Saya ambil sikap terbuka untuk bekerjasama dengan semua termasuk dengan kerajaan negeri. Tumpuan kita (adalah) beralih daripada projek besar dan mega kepada projek pendidikan, kesihatan dan kebajikan rakyat termasuk tebatan banjir," katanya.